

Mahathir berwajah ceria di sidang akhbar

18

UM 11 NOV 1999

PUTRAJAYA 10 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memasuki dewan taklimat Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri di sini pada pukul 3.59 petang dengan wajah ceria.

Beliau tersenyum kepada semua orang yang menunggu dalam debar.

Sebelum itu Setiausaha Sulit Kanan Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Aziz Ismail, memeriksa mikrofon dan dibantu oleh Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Hampir sebahagian besar kakitangan pejabat Dr. Mahathir hadir pada sidang akhbar untuk mengumumkan pembubaran Dewan Rakyat itu. Ini termasuk pemandu beliau sejak 18 tahun lalu, Shawal Mat Agus.

Menteri-menteri kabinet dan timbalan menteri juga berada dalam dewan itu.

Apabila Dr. Mahathir tiba di rostrum, Abdul Aziz menyerahkan sekeping fail kepada Perdana Menteri. Dr. Mahathir tersenyum lebar seolah-olah beliau baru sahaja membuat keputusan yang menggembirakan.

Presiden-Presiden parti komponen Barisan Nasional (BN) berbaris di atas pentas. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berada di sebelah kanan beliau manakala di sebelah kiri ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Presiden Parti Maju Sabah, Datuk Yong Teck Lee dan Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak, Datuk Leo Moggie.

Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu tidak hadir pada sidang akhbar itu kerana berada di Kanada manakala Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik terlewat tiba.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali juga hadir.

Kesegaran terbayang pada wajah Dr. Mahathir di depan berpuluh-puluh wartawan tempatan dan luar negeri yang sudah pun tahu apa yang ingin disampaikan dalam sidang akhbar itu.

"Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera," beliau memulakan sidang

akhbar itu sebelum membaca satu teks yang disediakan. Pengisytiharan pembubaran Parlimen itu hanya mengandungi lima ayat.

Sidang akhbar itu disiarkan secara langsung oleh RTM.

Selepas habis membaca teks ringkas itu, Dr. Mahathir yang berusia 75 tahun kemudian berseloroh dengan berpura-pura meninggalkan sidang akhbar itu, apabila bertanya "tiada soalkah."

Para wartawan ketua. Perdana Menteri berjalan semula ke rostrum dan kemudian bertubi-tubi soalan ditujukan kepadanya. Beliau menjawabnya dengan tenang tapi tajam dan tepat.

Soalan pertama datang daripada seorang wartawan akhbar Cina: "Adakah Datuk Seri yakin BN akan dapat majoriti dua pertiga?"

Jawab Perdana Menteri: "Ya kita yakin."

Kemudian Dr. Mahathir menjelaskan mengapa beliau mengadakan pilihan raya dalam bulan November.

Ganggu ibadat

Beliau tidak mahu bulan mulia dalam Islam seperti Ramadan dan Syawal dipenuhi dengan kempen-kempen politik yang mengganggu ibadat orang Islam.

"Orang Islam yang ingin buat ibadat akan diganggu oleh pihak-pihak tertentu yang cuba menggunakan masjid untuk melemparkan fitnah," katanya.

Pilihan raya, katanya, tidak sesuai diadakan pada bulan puasa dan bulan Hari Raya.

Sidang akhbar itu memperlihatkan dua perspektif kewartawanan yang berbeza.

Wartawan tempatan bertanyakan soalan-soalan yang membantu Dr. Mahathir memberi penjelasan, manakala para pemberita asing banyak menyoal tentang populariti beliau dan berulang-ulang membangkitkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Reaksi kakitangan pejabat Perdana Menteri terhadap soalan-soalan wartawan asing adalah sinikal.

Apabila Dr. Mahathir dapat menjawab soalan-soalan itu dengan tajam dan tepat, mereka bertepuk tangan

memberi sokongan kepada beliau, menghidupkan lagi suasana.

Sungguhpun ada waktunya beliau serius, pada masa tertentu Perdana Menteri tidak dapat menahan geli hati.

Ini berlaku semasa seorang wartawan asing membuat andaian bahawa pilihan raya umum kali ini adalah medan untuk menguji popularitinya.

Jawab Dr. Mahathir: "Saya tidak mengadakan pilihan raya untuk menguji populariti. Kita mengadakan pilihan raya untuk membolehkan rakyat mempunyai kerajaan yang baik."

Jawapan yang bersahaja dan berterus terang itu mematickan hujah wartawan asing berkenaan.

Perdana Menteri menjelaskan banyak isu dalam sidang akhbar itu daripada peluang BN untuk berkuasa di Kelantan, kempen-kempen negatif parti pembangkang, perpaduan BN, manifesto pilihan raya hinggalah kepada usaha beliau mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu.

"Saya rasa hebat," katanya ketika ditanya perasaan beliau ketika itu.

Pilihan raya umum kali ini adalah yang kesembilan yang disertai oleh Dr. Mahathir dalam karier politiknya yang bermula sejak tamat Perang Dunia Kedua.

Sungguhpun wartawan-wartawan asing cuba menggambarkan beliau menghadapi masalah dalam pilihan raya kali ini kerana isu Anwar Ibrahim, menurut Perdana Menteri pilihan raya umum kali ini tidak sesengit pilihan raya umum 1990.

"Nasihat saya kepada rakyat ialah jangan terbawa-bawa dengan cara parti-parti pembangkang yang tidak diingini," katanya.

Beliau tidak menolak kemungkinan parti-parti pembangkang cuba menggagalkan pilihan raya umum kali ini dengan "mengadakan rusuhan di sana sini."

Atas faktor itu jugalah, kata Dr. Mahathir, beliau membubarkan Parlimen supaya pilihan raya umum dapat segera diadakan. Beliau melihat jauh ke hadapan tentang kemungkinan buruk yang menimpa Malaysia.